



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

NEELOFA KEKAL SEBAGAI IKON TAHUN MEMPERKASA WANITA 2018

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menafikan terdapat Anugerah Ikon Wanita Negara seperti mana yang ditularkan melalui blog media baru-baru ini. Blog berkenaan mendakwa, Neelofa telah digugurkan sebagai Ikon Wanita Negara.

Pihak kementerian melihat segala sumbangan dan kejayaan yang telah diraih oleh Neelofa sebelum ini dan percaya ianya dapat memberi inspirasi kepada para wanita untuk terus bergerak lebih jauh dan berdaya saing bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Kementerian melihat daripada sudut yang positif apa yang akan disumbangkan oleh beliau untuk memperkasa wanita.

Perbincangan antara pihak kementerian dan juga Neelofa telah dibuat sebelum beliau diumumkan sebagai Ikon TMW18. Kedua-dua pihak bersetuju untuk memberikan yang terbaik kepada para wanita bagi memastikan setiap agenda dan program yang dirancang akan dapat dilaksanakan untuk terus memajukan wanita bersempena #TMW18 ini.

Seramai 3 ikon yang telah dilantik sebagai pengerak dan Pemacu Tahun Memperkasa Wanita 2018 (#TMW18) pada 17 Januari 2018 berdasarkan pencapaian mereka dalam bidang masing-masing antaranya adalah YAM Tengku Datin Paduka Setia Zatashah, Datin Vivy Yusof dan Noor Neelofa Mohd Noor.

###

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
5 MAC 2018**